

**RINGKASAN PROJEK BAGI PENCALONAN ANUGERAH INOVASI
KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI TAHUN 2012 (AIKPT 2012)**

Nama Bahagian/ Jabatan/ Agensi	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Kementerian Pengajian Tinggi
Tajuk Projek Inovasi	Sistem Pengurusan Latihan (SILAT) Secara Atas Talian
Kategori Projek	Pengurusan
Penjelasan Projek	<p>Seksyen Pembangunan Manusia dan Latihan (PML), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) bertanggungjawab untuk melaksanakan program-program latihan dalam perkhidmatan untuk tujuan pembangunan kompetensi bagi seluruh warga Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), termasuk di Jabatan Pengajian Tinggi, Jabatan Pengajian Politeknik, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti, politeknik dan kolej komuniti. Dengan peruntukan latihan tahunan sekurang-kurangnya bersamaan dengan 1% daripada emolumen tahunan KPT seperti mana yang ditetapkan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, Seksyen PML, BPSM perlu sentiasa menambah baik aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian latihan yang dijalankan setiap tahun bagi memastikan program latihan yang dijalankan mempunyai <i>value for money</i> terutamanya daripada segi kecekapan dalam aspek pengurusan program latihan dan keberkesanan program yang dijalankan.</p> <p>Dalam konteks pengurusan latihan, bermula pada tahun 2012 Seksyen PML, BPSM telah menambah baik aspek</p>

	<p>pengurusan latihan dengan memperkenalkan Sistem Pengurusan Latihan (SILAT). Melalui SILAT, kaedah pengurusan latihan yang sebelum ini dilakukan secara manual telah berubah kepada kaedah pengurusan latihan menggunakan sistem dan secara atas talian (<i>online</i>). Sistem ini telah memudahkan tugas urus setia latihan di Seksyen PML, BPSM di mana urusan-urusan seperti di bawah dilaksanakan menerusi sistem dan secara <i>online</i>:</p> <ol style="list-style-type: none">i. membuat hebahan kursus;ii. membuat pemilihan peserta kursus;iii. mengakses maklumat pemohon kursus;iv. mengeluarkan tawaran kursus kepada peserta yang dipilih; danv. menerima pengesahan kehadiran peserta kursus. <p>Melalui sistem ini juga, warga KPT yang merupakan pelanggan latihan anjuran Seksyen PML, BPSM kini boleh melakukan urusan-urusan seperti berikut secara <i>online</i>, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none">i. capaian kepada maklumat berkaitan kursus;ii. membuat permohonan kursus;iii. menerima tawaran kursus; daniv. membuat pengesahan kehadiran kursus.
--	----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

<p>A) Idea / Kreativiti</p>	<p>Meskipun terdapat pelbagai kaedah dan sistem yang digunakan oleh pengurus latihan di pelbagai organisasi, SILAT merupakan cetusan idea asal di peringkat SPML, BPSM di mana SILAT berperanan untuk menambahbaik pengurusan latihan KPT dengan menangani secara khusus keperluan pelanggan BPSM, iaitu warga KPT serta keperluan urus setia latihan di SPML, BPSM.</p>
<p>B) Tahap Pelaksanaan</p>	<p>SILAT telah digunakan sepenuhnya mulai bulan Mac 2012 bagi urusan-urusan yang dinyatakan di atas setelah selesai proses pembangunan dan penambahbaikan.</p>
<p>C) Replicability</p>	<p>SILAT boleh digunakan oleh pengurus latihan di mana-mana kementerian/ jabatan secara terus tanpa melibatkan pengubahsuaian yang besar (major modification).</p>
<p>D) Masalah Sebelum Inovasi Diperkenalkan</p>	<p>Sebelum SILAT diperkenalkan, segala urusan berkaitan latihan sama ada di peringkat pelanggan BPSM (warga KPT) mahu pun di peringkat urus setia latihan di Seksyen Pembangunan Manusia dan Latihan (SPML), BPSM dilakukan secara manual. Hal ini telah mengurangkan kecekapan dalam pengurusan latihan di mana terdapat banyak proses kerja yang perlu dilakukan dan mengambil masa untuk disiapkan.</p> <p>Sebagai contoh, pada tahun 2011 sejumlah 170 siri kursus melibatkan seramai 3,752 orang peserta telah dilaksanakan. Justeru, kuantiti kursus dan bilangan</p>

	<p>peserta yang banyak ini memerlukan SPML, BPSM untuk berfungsi dengan lebih berkesan supaya pengurusan latihan berjalan dengan lebih lancar.</p> <p>Di samping itu, proses kerja secara manual yang digunakan sebelum ini turut menyumbang kepada isu penggunaan kertas dan isu ruang penyimpanan dokumen yang terhad. Selain itu, terdapat juga kos bagi urusan pos dan faksimili yang perlu ditanggung bagi setiap dokumen yang dihantar.</p>
<p>E) Impak (Outcome) Setelah Inovasi Diperkenalkan</p>	<p>Bagi menilai sama ada penggunaan SILAT telah dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan latihan, Kajian Keberkesanan Sistem Pengurusan Latihan KPT telah dijalankan terhadap urus setia latihan di Seksyen PML, BPSM dan para pelanggannya yang terdiri daripada seluruh warga KPT yang pernah menggunakan SILAT. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa SILAT telah memberikan impak positif dalam aspek pengurusan latihan.</p> <p>Bagi urus setia latihan di Seksyen PML, BPSM, sistem ini telah dapat meningkatkan kecekapan pengurusan latihan daripada segi masa untuk mengurus permohonan yang diterima dan dapat menjimatkan kos pengurusan latihan. Dapatan ini disokong dengan skor min keseluruhan bagi responden urus setia latihan Seksyen PML, BPSM, iaitu 4.30 yang bermaksud impak yang diberikan adalah tinggi. Di samping itu, SILAT juga telah memudahkan warga KPT membuat perancangan latihan yang ingin dihadiri pada tahun 2012, memudahkan capaian kepada maklumat yang berkaitan kursus dan memudahkan urusan permohonan kursus yang ingin dihadiri di samping</p>

	<p>mendapat tawaran kursus dengan lebih mudah dan pantas. Dapatan ini disokong oleh skor min keseluruhan bagi responden warga KPT, iaitu 4.31 yang bermaksud impak yang diberikan oleh SILAT adalah tinggi.</p> <p>Antara penambahbaikan/ penjimatan yang berjaya dilakukan hasil pengenalan SILAT dalam pengurusan latihan adalah seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none">1) <u>Pengurangan Proses Kerja</u> Antara pengurangan proses kerja yang berlaku adalah seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">a) mengepos surat permohonan kursus, surat tawaran kursus dan surat pengesahan kehadiran kursus;b) memasukkan senarai nama pemohon kursus daripada borang permohonan ke dalam format Microsoft Word/ Excel untuk rekod maklumat kursus;c) merekodkan setiap surat/ borang permohonan mengikuti latihan ke dalam fail;d) menyediakan surat tawaran kursus; dane) proses pegawai membuat pengesahan kehadiran ke kursus secara manual.2) <u>Penjimatan Masa</u> Antara penjimatan masa yang berlaku adalah dalam proses seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">a) mengepos surat permohonan kursus, surat
--	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

	<p>tawaran kursus dan surat pengesahan kehadiran kursus;</p> <ul style="list-style-type: none">b) memasukkan senarai nama pemohon kursus daripada borang permohonan ke dalam format Microsoft Word/ Excel untuk rekod maklumat kursus;c) membuat pemilihan peserta yang berjaya;d) menyediakan surat tawaran kursus; dane) mengumpul dan menyenaraikan nama pegawai yang membuat pengesahan untuk hadir ke latihan yang ditawarkan. <p>3) <u>Penjimatan Kos</u> Antara penjimatan kos yang berlaku adalah dalam proses seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">a) Kos penggunaan kertas dan cetakan untuk surat tawaran; danb) Kos pos dan/ atau faksimili. <p>4) <u>Penjimatan Ruang</u> SILAT telah menjimatkan penggunaan ruang, khususnya bilik dan rak fail SPML, BPSM kerana majoriti dokumen berkaitan pengurusan latihan seperti borang permohonan, surat tawaran dan pengesahan kehadiran ke latihan kini disimpan dalam server KPT.</p>
--	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

	<p>5) <u>Mesra Pengguna</u> Sistem ini merupakan sistem berdasarkan web (<i>web-based</i>) yang boleh dicapai di mana-mana selagi ada akses kepada talian internet. Sistem ini juga mudah digunakan dan mesra pengguna.</p>
<p>F) Komitmen Pengurusan</p>	<p>SILAT diiktiraf oleh pihak pengurusan kementerian di mana sistem ini telah dimuatkan dalam halaman aplikasi <i>online</i> dalam Portal KPT dan diberikan ruang dalam server KPT.</p> <p>Selain itu, SILAT juga disenaraikan sebagai salah satu hasil inovasi KPT yang dinilai oleh panel penilai Sistem Star Rating 2012.</p>